

Rujukan kami : CBP/MAPT63/2023
Tarikh : 19 Mei 2023

**Para Perwakilan Individu & Koperasi,
Koperasi Co-opbank Pertama Malaysia Berhad (CBP)**

NOTIS MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN CBP KE-63

Dengan segala hormatnya dimaklumkan bahawa Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan (MAPT) CBP Ke-63 telah dijadualkan sebagaimana ketetapan berikut:

Tarikh : 11 Jun 2023 (Ahad)
Masa : 8.00 pagi – 12.30 tengah hari
**Tempat : Dewan Perdana Felda,
Jalan Maktab, Off Jalan Semarak, Kuala Lumpur.**

Agenda adalah seperti berikut :

1. Melantik Pengerusi Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke-63;
2. Melantik Jawatankuasa Yang Terdiri Daripada Enam Perwakilan Dan Empat Anggota Lembaga, Untuk Menentusahkan Draf Minit MAPT Ke-63 (*hanya 1 wakil terawal dari setiap kawasan sahaja akan disenarai pendek & layak bertanding sebagai calon*);
3. Mengesahkan Minit MAPT CBP Ke-62;
4. Membentangkan Laporan Lembaga, Penyata Tadbir Urus Korporat Dan Jawatankuasa Audit Dalaman;
5. Menimbang Dan Meluluskan Akaun Teraudit CBP Dan Subsidiari Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2022 Termasuk Laporan Lembaga Di Bawah Perenggan 59 (1)(c) Akta Dan Laporan Juruaudit, Dan Pengagihan Untung Bersih Teraudit, Dan Pandangan Suruhanjaya Mengenai Akaun Teraudit;
6. Melantik Anggota Lembaga;
7. Menimbang Dan Meluluskan Semakan Bajet 2023 Dan Bajet 2024;
8. Membentangkan Laporan Penerimaan Deposit Dan Pembiayaan Daripada Anggota Dan Bukan Anggota;
9. Meluluskan Elaun Yang Akan Diberikan Kepada Anggota Lembaga Dan Saraan Yang Akan Dibayar Kepada Mana-Mana Anggota Lembaga Yang Dilantik Sebagai Pengarah Subsidiari CBP;

10. Meluluskan Pelantikan Satu Panel Yang Tidak Kurang Daripada Dua Buah Firma Juruaudit, Yang Merupakan Juruaudit Yang Diluluskan Oleh Suruhanjaya Untuk Mengaudit Akaun CBP;
11. Menimbang Dan Meluluskan Ruang Lingkup Dan Had Pelaburan Kumpulan Wang Lebihan Koperasi Mengikut Seksyen 54 Akta;
12. Menimbang Dan Meluluskan Apa-Apa Cadangan Pelupusan Harta Tak Alih Dan Ekuiti Dalam Subsidiari;
13. Menimbang Dan Meluluskan Surat Cara Skim Simpanan, Deposit Atau Pembiayaan;
14. Menentukan Had Maksimum Keterhutangan CBP;
15. Menimbang Dan Meluluskan Cadangan Pindaan UUK CBP;
16. Menimbang Atau Memutuskan Apa-Apa Usul Yang Diterima CBP Tidak Kurang Daripada Tujuh (7) Hari dari Tarikh MAPT;
17. Mendengar Dan Memutuskan Apa-Apa Aduan Yang Diterima CBP Tidak Kurang Daripada Tujuh (7) Hari dari Tarikh MAPT;
18. Menimbang Dan Meluluskan Mana-Mana Laporan Yang Dikehendaki Supaya Dikemukakan Mengikut Peraturan.

Para perwakilan perlu mengesahkan kehadiran **mulai 19 Mei hingga 02 Jun 2023** dengan melayari <https://mapt.cbp.com.my> Mohon ambil perhatian bahawa para perwakilan adalah **diwajibkan mengesahkan kehadiran selewat-lewatnya pada 02 Jun 2023 jam 5.30 petang.**

Bagi para perwakilan yang ingin bertanding sebagai calon Penentusah Minit MAPT Ke-63, sila ambil perhatian bahawa **hanya seorang (1) calon terawal dari setiap kawasan akan disenarai pendek dan layak bertanding** sebagai penentusah minit MAPT Ke-63.

Semua Perwakilan perlu memuat turun dokumen dan **e-book** mesyuarat secara digital seperti berikut :

- i. Buku Panduan Perwakilan
- ii. Notis MAPT Ke-63
- iii. Minit MAPT Ke-62
- iv. Laporan Tahunan 2022
 - Penyata Kewangan Teraudit bagi tahun berakhir 31 Disember 2022
 - Laporan Anggota Lembaga
 - Laporan Juruaudit
- v. Penyata Kewangan Teraudit Subsidiari CBP bagi tahun berakhir 31 Disember 2022
- vi. Surat Cuti Tanpa Rekod
- vii. Tatacara Pengesahan Kehadiran
- viii. Tatacara Pencalonan Penentusah Minit Mesyuarat
- ix. Tatacara Mengemukakan Usul

Sepertimana kehendak Perkara 14 Peraturan-Peraturan Koperasi 2010 Akta Koperasi 1993 (Pindaan 2007) dan Perkara 33 Undang-Undang Kecil CBP, semua usul hendaklah dikemukakan melalui pautan <https://mapt.cbp.com.my> **selewat-lewatnya tujuh (7) hari sebelum tarikh mesyuarat diadakan iaitu selewat-lewatnya pada 04 Jun 2023 jam 5.30 petang.**

Bagi anggota perwakilan yang ingin mengemukakan soalan-soalan berkaitan agenda MAPT Ke-63, sila layari <https://tinyurl.com/SoalanMAPT2023> untuk mendaftar / memasukkan soalan anda.

Para perwakilan boleh mengemukakan sebarang persoalan secara e-mel ke mapt@cbp.com.my atau menghubungi talian 03-2692 7650.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

Dengan Perintah Lembaga,

SETIAUSAHA EKSEKUTIF

Surat ini adalah cetakan komputer. Tandatangan tidak diperlukan.